



LAPORAN JAWATANKUASA TERTINGGI PUSAT (CEC) 2023

AM

Kongres Khas Parti telah diadakan pada 25 September 2022 bagi meminda perlembagaan parti bagi menghalang Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Senator daripada 'melompat' parti. Ini selari dengan pindaan yang dibuat terhadap Perlembagaan Persekutuan sebelum ini. Pindaan terhadap perlembagaan parti ini telah diluluskan oleh para perwakilan dengan seramai 632 perwakilan menyokong dan 2 tidak menyokong.

KEDUDUKAN PARTI

Parti telah menyaksikan pertumbuhan pesat sejak tsunami politik 2008. Dari segi keahlian, parti kini mempunyai 239,408 ahli berbanding 57,743 sebelum 2008. Sebanyak 2,650 keahlian masih dalam proses kelulusan.

Daripada segi cawangan, parti kini mempunyai 2,042 cawangan, berbanding 358 cawangan pada 2008. Sebanyak 53 cawangan masih dalam proses kelulusan.

Pada masa ini, DAP mempunyai 40 orang Ahli Parlimen (MP) , 90 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan 4 Senator Dewan Negara.

PERISTIWA POLITIK

1. Pilihan Raya Umum ke-15

Pada 10 October 2022, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pembubaran Dewan Rakyat atas permintaan Perdana Menteri yang ke-9, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Berikutan ini, Dewan Undangan Negeri Perlis, Pahang dan Perak juga telah dibubarkan.

Pada 20 Oktober 2022, Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengumumkan tarikh-tarikh penting dan menetapkan hari penamaan calon pada 5 November 2022 dan hari pengundian pada 19 November 2022.

DAP telah memasuki PRU ini bersama-sama dengan Pakatan Harapan iaitu PKR, Amanah dan UPKO, serta dengan kerjasama politik bersama parti MUDA. Pakatan Harapan telah sebulat suara bersetuju bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah calon Perdana Menteri sekiranya memenangi pilihan raya.

Selepas undian dikira, tiada parti dapat memenangi majoriti mudah untuk membentuk Kerajaan Persekutuan. DAP mengekalkan rekod baik dengan memenangi 40 kerusi Parlimen. Secara keseluruhan, PH dan MUDA telah memenangi 82 kerusi Parlimen.

Yang di-Pertuan Agong telah menitahkan supaya suatu Kerajaan Perpaduan dibentuk bersama parti-parti politik. Akhirnya pada 24 November 2022, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 dengan sokongan dua pertiga daripada Ahli Parlimen.

4 Menteri dan 6 Timbalan Menteri daripada DAP telah menjadi anggota pentadbiran, manakala seorang Timbalan Speaker Dewan Rakyat daripada DAP turut dilantik.

Pada masa yang sama, Kerajaan Perpaduan Negeri telah ditubuhkan di Pahang dan Perak, dengan 4 orang EXCO dan seorang Timbalan Speaker DUN daripada DAP di Perak dan seorang EXCO serta seorang Timbalan Speaker DUN daripada DAP di Pahang.

2. Kerajaan Perpaduan Melaka

Pada 31 Mac 2023, ADUN Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh telah mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Melaka yang ke-13. Ini disusuli dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan di Melaka, di mana seorang EXCO dan seorang Timbalan Speaker DUN daripada DAP telah dilantik.

3. Pilihan Raya 6 Negeri

Dewan Undangan Negeri bagi 6 negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan dan Terengganu telah dibubarkan pada 22 Jun hingga 1 Julai 2023.

Tarikh penamaan calon telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya pada 29 Julai, manakala tarikh mengundi pada 12 Ogos 2023.

PH telah memasuki PRN ini bersama-sama dengan Barisan Nasional sebagai Kerajaan Perpaduan.

DAP telah memenangi kesemua kerusi yang ditandingi kecuali satu. PH dan BN telah mengekalkan Kerajaan negeri di Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan, manakala PN kekal di 3 negeri lagi.

Dalam Kerajaan negeri Pulau Pinang, DAP menerajui dengan Ketua Menteri dan 7 EXCO, di Selangor dengan 4 EXCO dan Negeri Sembilan 4 EXCO.

PENGIKTIRAFAN

1. Jalan Chen Man Hin

Pada bulan Mei 2023, Pengerusi seumur hidup DAP, mendiang Dr Chen Man Hin telah diberi penghormatan apabila suatu jalan utama di Seremban telah dinamakan Jalan Dr Chen Man Hin. Penghormatan ini adalah untuk memperingati dan mengiktiraf jasa mendiang kepada rakyat terutama sekali di Seremban.

2. *Tan Sri Lim Kit Siang*

DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri kepada Sdr Lim Kit Siang sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang Di-Pertuan Agong pada 5 Jun 2023.

Anugerah ini merupakan suatu penghormatan kepada Saudara Lim Kit Siang dan pengiktirafan kepada beliau yang telah berkhidmat sebagai wakil rakyat daripada tahun 1969 sehingga 2022.

MELANGKAH KE HADAPAN

Sama seperti semasa penubuhan DAP pada tahun 1966, DAP masih dipandu oleh objektif yang sama untuk melindungi, memelihara dan menghormati Perlembagaan Persekutuan kita. DAP tetap komited terhadap hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan kita mengenai kemakmuran ekonomi, kebebasan demokratik, keadilan sosio-ekonomi, peluang yang saksama, kedaulatan undang-undang, penghormatan terhadap kepelbagaian dan martabat manusia.

Keputusan PRU dan PRN yang lepas jelas menunjukkan bahawa DAP masih mendapat sokongan pengundi dengan mengekalkan rekod cemerlang dalam pilihan raya.

DAP kini sekali lagi berada di dalam Kerajaan Perpaduan dengan 4 orang Menteri, 6 orang Timbalan Menteri dan seorang Timbalan Speaker Dewan Rakyat. DAP terus komited untuk membina semula negara bersama-sama dengan Kerajaan Perpaduan ini, diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada masa yang sama, DAP juga harus mendekati anak muda terutama sekali dengan pelaksanaan Undi18, bukan sahaja daripada segi kepimpinan malah daripada segi idea dan dasar yang dapat memenuhi aspirasi anak muda Malaysia.

Akhir sekali, DAP harus sentiasa kekal relevan dalam arus perdana politik tanah air dan memastikan bahawa ianya terus mendapat sokongan pelbagai kaum di Malaysia, termasuk daripada kaum Melayu.